AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Malaysia guna pakai definisi kontak rapat WHO

Kementerian tetap buat semakan takrifan dari semasa ke semasa

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

***Petugas kesihatan melakukan** saringan di Pusat Transformasi Bandar Pasar Sentral, Labuan.* (Foto BERNAMA)

Putrajaya: Kementerian Kesihatan ketika ini mengguna pakai definisi kontak rapat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Definisi yang dikeluarkan WHO itu merujuk kontak secara langsung secara fizikal atau bersemuka dengan kes yang sudah disahkan atau disyaki mempunyai jangkitan pada jarak satu meter untuk satu masa berterusan, tanpa memakai pakaian perlindungan peribadi (PPE).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata di Malaysia, definisi kontak rapat adalah pendedahan berkaitan kesihatan tanpa penggunaan PPE bersesuaian, termasuk penjagaan pesakit dijangkiti COVID-19 secara langsung, bekerja dengan petugas kesihatan yang dijangkiti, melawat pesakit atau tinggal bersama pesakit COVID-19.

Beliau berkata, mereka yang bekerja bersama atau berada berhampiran dengan pesakit dalam bilik kelas yang sama dengan pesakit atau menaiki kenderaan bersama dengan pesakit.

"Bagaimanapun, pihak kementerian akan membuat semakan terhadap definisi kontak rapat dari semasa ke semasa.

"Ini adalah definisi yang kita guna pakai daripada WHO," katanya pada sidang media perkembangan COVID-19, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Gasing, Selangor, Rajiv Rishyakaran yang menggesa kementerian menyemak semula takrifan kontak rapat COVID-19, agar sejajar takrifan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat.

Rajiv dilaporkan berkata, usaha itu perlu dilakukan bagi membendung penularan COVID-19 dengan lebih baik.

Sementara itu, Dr Noor Hisham turut menasihatkan bagi yang ingin merentas negeri untuk memastikan mereka tidak bergejala, selain sentiasa mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Dalam pada itu, katanya, pengurangan tempoh kuarantin dari 14 hari ke 10 hari didapati tidak memberi banyak perubahan.

Berdasarkan data saintifik itu, kementerian berpendapat risikonya boleh diterima dan kurang berbanding jika ia dipendekkan ke tujuh hari saja.

Katanya, ia adalah keputusan dasar selepas pihaknya melihat semua bukti saintifik berkenaan tempoh kuarantin.

"Kementerian sudah berbincang dan kita mengguna pakai untuk menyokong kuarantin tempoh 10 hari.

"Ini kita laksanakan hari ini (semalam). Bagi mereka yang sedang menjalani kuarantin juga kita pertimbangkan untuk tempoh kuarantin dikurangkan ke 10 hari," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya akan melihat isu logistik berbangkit membabitkan individu yang sedang dikuarantin wajib ketika ini.

Pada masa sama, beliau berkata, ujian COVID-19 akan dijalankan terhadap individu terbabit pada hari kelapan atau kesembilan dan hanya selepas didapati negatif baru mereka dilepaskan pada hari ke-10.

Dr Noor Hisham turut mengesahkan satu kematian membabitkan seorang pengawal keselamatan sebuah kilang sarung tangan getah yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19.

Katanya, warga Nepal berusia 29 tahun itu yang kematiannya dilaporkan dalam kenyataan semalam, mendapat jangkitan dan hanya menerima rawatan di hospital selepas keadaannya pada peringkat empat dan lima.

Tingkat pembelian vaksin bantu capai imuniti kelompok

Kuala Lumpur: Cadangan kerajaan untuk meningkatkan pembelian vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi 70 peratus rakyat ini akan membolehkan Malaysia mencapai imuniti kelompok (herd imunity).

Pakar kesihatan berpendapat, langkah itu membolehkan penularan virus dikawal dan memutuskan rangkaian jangkitan.

Pakar respiratori, Hospital Pantai Kuala Lumpur, Dr Helmy Haja Mydin, berkata penambahan pembelian vaksin berkenaan amat wajar dilakukan jika kerajaan berkemampuan, berbanding perancangan asal untuk diberi kepada 30 peratus rakyat saja.

"Ia akan membantu kita mencapai imuniti kelompok dan secara tidak langsung, ini akan membantu kita dari segi menjana semula aktiviti ekonomi negara," katanya, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan bercadang meningkatkan pembelian vaksin COVID-19 untuk menampung keperluan imunisasi kepada 70 peratus rakyat daripada sasaran asal 30 peratus.

Perdana Menteri berkata, beliau akan meminta pembekal menyegerakan penghantaran berbanding jadual asal mulai Mac tahun depan bagi memastikan kesihatan rakyat terus terjamin.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Dr Aidalina Mahmud, berkata jika lebih ramai rakyat menerima vaksin itu, lebih berkesan jangkitan dapat dikawal.

1,371 jangkitan baharu, 1,204 kes sembuh

Putrajaya: Sebanyak 1,371 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam dengan Selangor kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi, iaitu 532 kes atau 38.8 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata hanya satu kes import dilaporkan semalam yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Katanya, dengan pertambahan kes baharu itu, ia menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 84,846 kes dengan jumlah kebolehjangkitan 13,830 kes.

"Selain Selangor, negeri lain mencatatkan kes tinggi hari ini (semalam) ialah Sabah, iaitu 283 kes bersamaan 20.6 peratus daripada jumlah keseluruhan hari ini.

"Ia diikuti Negeri Sembilan dengan 260 kes atau 19 peratus," katanya pada sidang media COVID-19 di sini, semalam.

Beliau memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 1,204 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 di negara ini sebanyak 70,597 kes bersamaan 83.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, katanya sebanyak empat kes kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif korban COVID-19 di negara ini sebanyak 419 kes atau 0.49 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, kes kematian semalam membabitkan tiga wanita warganegara dan seorang lelaki warga asing berumur antara 40 hingga 54 tahun.

Beliau berkata, kes kematian ke-416 membabitkan wanita berusia 40 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis dan dilaporkan meninggal dunia di Hospital Labuan.

"Kes kematian ke-417 ialah wanita berusia 50 tahun dan mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia serta jenazahnya di bawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

"Bagi kes kematian ke-418, ia turut membabitkan seorang wanita berusia 46 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, dislipidemia dan obesiti serta dilaporkan meninggal dunia di Hospital Tawau," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian terakhir dilaporkan semalam ialah kes ke-419, iaitu lelaki berusia 54 tahun dan tidak mempunyai penyakit kronik serta meninggal dunia di Hospital Queen of Elizabeth, Kota Kinabalu.

Beliau juga berkata, dua kluster baharu dikesan semalam iaitu di beberapa di Selangor dan Kuala Lumpur.

Katanya, kluster pertama dikesan di daerah Sepang, Kuala Selangor, Petaling dan Hulu Langat yang dinamakan sebagai Kluster Solar Ria.

"Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-73,366) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Disember lalu ketika saringan sebelum pulang ke negara asal.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), 2,339 individu sudah disaring dan daripada jumlah itu terdapat 25 individu dikesan positif COVID-19 iaitu membabitkan sembilan warganegara dan 16 warga asing," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster lain dikesan di daerah Kepong di Kuala Lumpur hasil saringan di tempat kerja.

"Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-83,123) dilaporkan positif COVID-19 semalam ketika saringan sebelum pulang ke negara asal," katanya.